

PANDUAN GURULATIH EDISI KEDUA

**PERTUBUHAN SILAT SENI GAYONG MALAYSIA
BAHAGIAN SELANGOR DARUL EHSAN**

TERBITAN 2010

Kata Pengantar

Dokumen yang dipaparkan dalam laman web rasmi PSSGM Selangor ini bertujuan untuk memberi sedikit imbasan usaha yang sedang dibuat oleh Majlis Gurulatih Selangor bagi menerbitkan buku Panduan Gurulatih Edisi Kedua. Ia merupakan program pembangunan gurulatih dalam memperkayakan maklumat yang relevan dari buku edisi pertama sebelum ini. Segala kandungan buku ini adalah merujuk kepada keputusan, arahan dan panduan yang telah dibuat oleh pihak Pentadbiran, Majlis Gurulatih dan Lembaga Adat Istiadat di peringkat negeri dan kebangsaan.

Kandungan dokumen ini masih di peringkat pengisian dan penilaian. Oleh itu, ianya tertakluk kepada perubahan sehingga diterbitkan secara rasminya oleh PSSGM Selangor. Namun demikian, Majlis Gurulatih Selangor bermurah hati untuk memberi para gurulatih dan murid Gayong akan beberapa idea dan informasi yang sedang diisikan di dalam buku panduan tersebut. Diharap semua pihak dapat memberi sokongan dan menantikan terbitan buku Panduan Gurulatih Edisi Kedua kelak.

SYARIZAL BIN MAIZAN
Setiausaha Majlis Gurulatih
PSSGM Selangor Darul Ehsan

SUKATAN PELAJARAN

LELAKI & WANITA (DEWASA)

Bengkung	Gerakan	Golongan	Elakan	Kombat	Kunci Mati	Pentas Hidup	Tenggiling Anak Harimau	Tempur Bebas
Asas	Bah 1	10	Bah 1	-	-	-	Bah 1	-
Awan Putih	Bah 2	21	Bah 2	1 – 7	-	1	Bah 2	1 lawan 1
Pelangi Hijau	Bah 3	31	Bah 3	8 – 14	-	2	Bah 3	1 lawan 2
Pelangi Merah	Bah 4	41	Bah 4	15 – 21	-	3	Bah 4	1 lawan 3
Pelangi Merah I	Bah 5	51	Bah5	-	1 – 7	4	Bah 5	1 lawan 4
Pelangi Merah II	-	-	Bah6	-	8 – 14	5	-	1 lawan 5
Pelangi Merah III	-	-	Bah 7	-	15 – 21	6 & 7	-	-
Pelangi Kuning	SENI SIMBAT SUK							
Pelangi Kuning I	SENI PISAU							
Pelangi Kuning II	SENI TONGKAT PANJANG							
Pelangi Kuning III	SENI PARANG PANJANG							
Pelangi Kuning IV	SENI KERIS							
Pelangi Kuning V	SENI LEMBING							
Pelangi Hitam I	SENI YOI							
Pelangi Hitam II	SENI SELIGI							
Pelangi Hitam III	SENI CINDAI							
Pelangi Hitam IV	SENI SUNDANG LIPAS							
Pelangi Hitam V	SENI BELIAN							

LELAKI & PEREMPUAN (KANAK-KANAK)

Bengkung	Asas Gerakan	Golongan	Asas Elakan	Kombat	Tenggiling Anak Harimau
Asas	Bah 1 (No. 1 – 4)	-	Bah 1 (No. 1 – 4)	-	Bahagian 1
Awan Putih Cula Hijau	Bah 1 (No. 5 – 7)	10	Bah 1 (No. 5 – 7)	-	Bahagian 2
Awan Putih Cula Merah	Bah 2 (No. 1 – 4)	-	Bah 2 (No. 1 – 4)	-	Bahagian 3
Awan Putih Cula Kuning	Bah 2 (No. 5 – 7)	21	Bah 2 (No. 5 – 7)	-	-
Awan Putih Cula Hitam	Bah 3 (No. 1 – 4)	-	Bah 3 (No. 1 – 4)	1 – 3	-

TENGGILING ANAK HARIMAU

BAHAGIAN	LELAKI	WANITA & KANAK-KANAK
Bahagian 1	Tenggiling depan 3x, Tenggiling belakang 3x, Bangun Lenting Ulat,	Tenggiling depan 3x, Tenggiling belakang 3x, Bangun Lenting Ulat,
Bahagian 2	Tenggiling depan 1x, Tenggiling depan senjata di tangan kanan 1x, Tenggiling depan senjata di tangan kiri 1x, Tenggiling belakang 3x, Bangun Lenting Ulat,	Tenggiling depan 1x, Tenggiling depan senjata di tangan kanan 1x, Tenggiling depan senjata di tangan kiri 1x, Tenggiling belakang 3x, Bangun Lenting Ulat,
Bahagian 3	Tenggiling depan 1x, Tenggiling depan senjata di tangan kanan 1x, Tenggiling depan senjata di tangan kiri 1x, Tenggiling belakang 3x, Bangun Lenting Ulat, Lenting Pacat ke depan 3x	Tenggiling depan 1x, Tenggiling depan senjata di tangan kanan 1x, Tenggiling depan senjata di tangan kiri 1x, Tenggiling belakang 3x, Bangun Lenting Ulat, Lenting Pacat ke depan 1x
Bahagian 4	Tenggiling depan 1x, Tenggiling depan senjata di tangan kanan 1x, Tenggiling depan senjata di tangan kiri 1x, Tenggiling belakang 3x, Bangun Lenting Ulat, Lenting Pacat ke depan 3x Lenting Pacat ke belakang 3x,	-
Bahagian 5	Tenggiling depan 1x, Tenggiling depan senjata di tangan kanan 1x, Tenggiling depan senjata di tangan kiri 1x, Tenggiling belakang 3x, Bangun Lenting Ulat, Lenting Pacat ke depan 3x Lenting Pacat ke belakang 3x, Lenting Udara ke depan 1x, Lenting Udara ke belakang 1x,	-

Nota Tambahan :

1. Susunan Tenggiling untuk Kanak-kanak (Lelaki & Perempuan) adalah sama dengan Wanita Dewasa.
2. Gurulatih dilarang memaksa pesilat melakukan tenggiling yang tidak mampu dilakukan oleh pesilat. Tahap kebolehan dan keselamatan pesilat mesti diutamakan.
3. Semasa ujian, Gurulatih wajib memaklumkan kepada Ketua Penguji akan tahap kemampuan pesilat dalam latihan tenggiling agar pertimbangan diambil kira semasa permarkahan.

JADUAL LOMPATAN

LELAKI (DEWASA)

Bengkung	Roda	Hambur Mangsa	Hambur Terus	Gelung	Rukuk	Lain-lain
Asas	3x depan 3x belakang	1 orang	1 orang	-	-	-
Awan Putih	- sama -	3 orang	3 orang	1 baris	-	-
Pelangi Hijau	- sama -	5 orang	5 orang	2 baris	1 baris	-
Pelangi Merah	- sama -	7 orang	7 orang	3 baris	2 baris	Lompat pagar & lompat dahan
Pelangi Merah I	- sama -	- sama -	- sama -	- sama -	3 baris	- sama -
Pelangi Merah II & III	- sama -	- sama -	- sama -	- sama -	- sama -	- sama -

WANITA (DEWASA)

Bengkung	Roda	Hambur Mangsa	Hambur Terus	Gelung	Rukuk	Lain-lain
Asas	3x depan 3x belakang	1 orang	1 orang	-	-	-
Awan Putih	- sama -	2 orang	2 orang	1 baris	-	-
Pelangi Hijau	- sama -	3 orang	3 orang	2 baris	-	-
Pelangi Merah	- sama -	- sama -	- sama -	3 baris	-	-
Pelangi Merah I - III	- sama -	- sama -	- sama -	- sama -	-	-

LELAKI & PEREMPUAN (KANAK-KANAK)

Bengkung	Roda	Hambur Mangsa	Hambur Terus	Gelung	Rukuk	Lain-lain
Asas	3x depan 3x belakang	1 orang	1 orang	-	-	-
Awan Putih Cula Hijau	- sama -	2 orang	2 orang	1 baris	-	-
Awan Putih Cula Merah	- sama -	3 orang	3 orang	2 baris	-	-
Awan Putih Cula Kuning	- sama -	- sama -	- sama -	3 baris	-	-
Awan Putih Cula Hitam	- sama -	- sama -	- sama -	- sama -	-	-

Nota Tambahan :

- Susunan Lompatan untuk Kanak-kanak (Lelaki & Perempuan) adalah sama dengan Wanita Dewasa.
- Gurulatih dilarang jangan memaksa pesilat melakukan lompatan yang tidak mampu dilakukan oleh pesilat. Tahap kebolehan dan keselamatan pesilat mesti diutamakan.
- Semasa ujian, Gurulatih wajib memaklumkan kepada Ketua Penguji akan tahap kebolehan setiap pesilat dalam latihan lompatan agar pertimbangan diambil kira semasa permorkahan.
- Halangan tambahan dalam lompatan boleh diberi jika mendapat kebenaran Gurulatih.

KANDUNGAN PELAJARAN PELANGI KUNING

Bengkung	Pelajaran	Gerakan	Golongan	Elakan	Kombat	Kunci	Pentas
Pelangi Kuning	Simbat Suk	7	21	7	-	21	7
Pelangi Kuning I	Pisau	7	21	7	21	-	7
Pelangi Kuning II	Tongkat Panjang	4	21	4	-	10	7
Pelangi Kuning III	Parang Panjang	7	21	7	21	-	7
Pelangi Kuning IV	Keris	7	21	7	-	-	21
Pelangi Kuning V	Leming	7	21	7	-	10	7

KANDUNGAN PELAJARAN HARIMAU PELANGI HITAM

Hitam Cula 1 (Seni Yoi)

1. Senaman Pernafasan (Lembut) - 14 gerakan (2 x 7)
2. Senaman Pernafasan (Keras) – 14 gerakan (2 x 7)
3. Tapak Yoi – 21 gerakan (4 penjuru)
4. Golongan Yoi – 15 + 21 gerakan
5. Buah Yoi – 21 buah

Hitam Cula 2 (Seni Seligi)

1. Tapak Seligi – 21 gerakan (4 penjuru)
2. Buah Seligi – 21 buah

Hitam Cula 3 (Seni Cindai)

1. Adat, Adab & Istilah
2. Jenis Ikatan – 3 jenis
3. Kaedah Pemakaian
4. Senaman Cindai – 3 hayunan
5. Tari Cindai – 4 penjuru
6. Gerakan Cindai – 9 gerakan
7. Elakan Cindai – 7 elakan
8. Tangkisan – 7 tangkisan
9. Golongan Cindai – 21 gerakan
10. Buah Cindai (Asas) – 7 buah
11. Buah Cindai (Betina) – 21 buah
12. Buah Cindai (Jantan) – 21 buah
13. Pantun Cindai

Hitam Cula 4 (Seni Sundang Lipas)

1. Adat, Adab & Istilah
2. Golongan Sundang Lipas – 49 gerakan
3. Buah Sundang Lipas – 21 buah

Hitam Cula 5 (Seni Belian)

1. Adat, Adab & Istilah
2. Golongan Belian – 14 gerakan
3. Buah Belian – 21 buah

ASAS GERAKAN

BAHAGIAN 1

1. Tumbuk lurus pintal tali
2. Pancung dayung
3. Tumbuk lurus melangkah
4. Tendang lurus
5. Tendang juring
6. Sepak layang
7. Golongan 10

BAHAGIAN 2

1. Tumbuk balas tangkis atas
2. Tumbuk balas pancung
3. Tumbuk lurus, tarik tangkis sisi dan bawah
4. Tendang lurus balas juring
5. Sepak layang balas juring
6. Cakar helang balas hentak
7. Golongan 21

BAHAGIAN 3

1. Tumbuk lurus balas tangkis atas dan kun
2. Tumbuk lurus balas tangkis atas dan pancung
3. Cakar helang balas hentak dan tendang lurus
4. Tendang lurus balas tendang belakang
5. Sepak layang penuh depan dan belakang satu kaki
6. Sepak layang penuh depan dan belakang dua kaki
7. Golongan 31

BAHAGIAN 4

1. Tumbuk lurus balas tangkis atas dan bawah
2. Tumbuk lurus balas tangkis atas, bawah dan pancung
3. Tumbuk lurus melangkah balas tangkis atas dan bawah
4. Tendang lurus melangkah
5. Tendang juring melangkah
6. Sepak layang melangkah
7. Golongan 41

BAHAGIAN 5

1. Tumbuk berbalas dan tendang lurus dalam tapak
2. Tumbuk berbalas dan tendang lurus bertapak
3. Siku melangkah balas pancung, tangkis serangan atas dan bawah
4. Serangan rajawali balas tendang lurus melangkah
5. Tamparan harimau melangkah balas sepak juring
6. Sepak juring bersilang kaki gerak sisi
7. Golongan 51

GERAKAN GOLONGAN

A. Gerakan Golongan 10

Bersedia dengan tapak kaki kiri di belakang

1. Tendang lurus dengan kaki kiri sambil melangkah
2. Sepak layang dengan kaki kanan pusing 270* ke belakang
3. Tendang juring kaki kiri
4. Pancung dengan tangan kiri
5. Tumbuk melangkah dengan tangan kanan
6. Tendang juring kaki kiri
7. Pancung tangan kiri
8. Tumbuk melangkah tangan kanan
9. Tendang juring kaki kiri
10. Kedudukan anak harimau. Tangan kanan merentang di dada sementara tangan kiri di rusuk

B. Gerakan Golongan 21

Sambung dari No. 10 tetapi kedudukan bertapak

11. Tumbuk dan tangkis atas dengan tangan kiri dan balas pancung berkisar dengan tangan yang sama
12. Tumbuk dengan tangan kanan, balas tangkis atas dan kun dengan tangan yang sama
13. Serangan rajawali dua tangan balas ketuk sambil melangkah kaki kanan
14. Tendang lurus dengan kaki kiri melangkah
15. Pancung tangan kanan sambil badan berpusing ke belakang $\frac{1}{2}$ pusingan jam
16. Serangan rajawali tangan kanan
17. Sepak juring kaki kanan dengan mematikan langkah $\frac{1}{2}$ pusingan lawan jam dengan kuda-kuda
18. Tumbuk melangkah tangan kanan, balas tangkis atas dan bawah
19. Sepak layang $\frac{1}{2}$ pusingan lawan jam
20. Tendang kuda melompat
21. Duduk anak harimau

C. Gerakan Golongan 31

Sambung dari No. 21

22. Tamparan harimau ke kanan
23. Tamparan harimau ke kiri
24. Timang puteri
25. Tumbuk berbalas tiga kali
26. Tendang lurus balas juring dan gerak $\frac{1}{4}$ pusingan lawan jam
27. Tenggiling roda ke kiri
28. Tendang juring terbang/bersilang kaki dan jatuh badan ke tanah
29. Tendang juring kanan ke atas
30. Bergolek badan arah jam dan juring kiri ke atas
31. Duduk anak harimau

D. Gerakan Golongan 41

Sambung dari No. 31

32. Serangan rajawali kanan melangkah
33. Hentakan tangan kanan
34. Menyiku tangan kiri
35. Undur selangkah dan menyiku tangan kanan
36. Tamparan harimau tangan kiri
37. Tumbuk melangkah tangkis atas dan bawah
38. Tendang juring kanan ke depan dan pusing badan 90* lawan jam
39. Juring kaki kiri.
40. Pusing badan dan duduk anak harimau
41. Tenggiling hadapan dan duduk anak harimau

E. Gerakan Golongan 51

Sambung dari No. 41

42. Serangan rajawali melangkah balas hentak kedua-dua tangan
43. Tendang lurus kiri melangkah
44. Pusing 180* arah jam dan cakar harimau tangan kanan
45. Juring bersilang kaki kanan ke hadapan
46. Juring bersilang kaki kiri ke belakang
47. Pusing 360* sambil hentak siku, ketuk dan timang puteri
48. Lenting pacat ke hadapan
49. Lenting ke belakang (atau tenggiling ke belakang)
50. Lentik ulat
51. Duduk anak harimau

ASAS ELAKAN

BAHAGIAN 1

1. Elak tangkis kuak sisi dalam
2. Elak tangkis kuak sisi bawah
3. Elak tangkis kuak sisi atas
4. Tangkap penumbuk, kilas luar dan layang kaki kanan ke dada
5. Elak luar dan tumbuk kanan ke rusuk
6. Elak dalam dan tampan kiri di bahu
7. Elak luar, kaki kanan tekan pelipat kaki kanan musuh dan pancung kanan ke leher

BAHAGIAN 2

1. Juring kiri ke rusuk
2. Juring kanan ke rusuk
3. Kaki kiri tepis penumbuk
4. Kaki kanan tepis penumbuk
5. Sepak layang kanan ke dada
6. Elak luar dan juring kanan ke belakang musuh
7. Kaki kiri sauk kaki kanan musuh dan juring kiri ke penyawa

BAHAGIAN 3

1. Elak dalam dan pancung kanan ke rusuk
2. Elak luar dan pancung kiri ke rusuk
3. Elak dalam, selayang pandang kiri, pusing dan pancung kanan ke rusuk
4. Elak luar, selayang pandang kanan, pusing dan pancung kiri ke rusuk
5. Elak luar, tangan kanan cangkuk penumbuk musuh
6. Elak dalam, tampan kiri ke bahu dan serangan ke ulu hati
7. Elak dalam, tolak lutut kanan musuh dengan kaki kiri dan sepakan kaki kanan ke penyawa

BAHAGIAN 4

1. Elak dalam dan tangkis kuak sisi dengan tangan kanan cakar muka dan cakar kanan ke mata
2. Selayang pandang lawan jam dengan serangan siku kiri ke tengkuk
3. Selayang pandang lawan jam dengan serangan siku kiri ke tengkuk dan hentakkan dua-dua tangan ke telinga
4. Elak sisi kiri dan buat serangan lutut kanan ke perut dan pancung ke leher
5. Timang puteri (elak dalam melutut dan serang penyawa)
6. Elak dalam dan buat serangan tendang lurus kanan melompat ke badan musuh
7. Elak sisi luar sambil tangan kiri menekan belakang bahu dan tangan kanan menangkap pergelangan musuh sementara kaki kiri bentes kaki kanan musuh

BAHAGIAN 5

1. Elak ke kiri dan serangan tumbukan ke kepala
2. Elak mengiring ke kiri dan pancung kanan ke pelipat serta tetakan kiri ke leher
3. Elak mengiring ke kanan dan tetak kanan ke leher serta tangkapan kiri ke pergelangan tangan kanan
4. Elak ke kanan melangkah kiri dan tangkap silang tangan ke bahu
5. Selayang pandang arah jam sambil pancung kiri ke rusuk dan siku kanan ke muka
6. Selayang pandang arah jam dan siku kanan ke muka
7. Elak sisi sambil tangan kanan menangkap pergelangan tangan kanan dan siku kiri ke muka

BAHAGIAN 6

1. Selayang pandang lawan jam dan tamparan harimau kiri bertapak
2. Selayang pandang ikut jam dan tamparan harimau kanan bertapak
3. Tangkis kuak sisi dalam dan tamparan harimau kiri
4. Tangkis kuak sisi luar dan tamparan harimau kanan
5. Elak sisi tamparan harimau kanan balas tamparan harimau kanan bertapak
6. Selayang pandang lawan jam dan rentap kedua-dua bahu penyerang dan serangan lutut ke pinggang
7. Selayang pandang ikut jam dan melutut serta buat serangan juring kanan ke perut

BAHAGIAN 7

1. Serangan tendang lurus - Tepis dengan kedua-dua tangan
2. Serangan tendang lurus - elak sisi dan sauk kaki serangan dengan tangan kiri
3. Serangan sepak layang - elak sisi dan tangkis pukul tangan kanan sisi dalam serta sauk tangkap kaki serangan dengan tangan kiri
4. Serangan sepak layang - elak duduk anak harimau dan menolak perut dengan tangan kiri serta merentap kaki bertapak dengan tangan kanan
5. Serangan tendang juring - elak sisi dan menetak kanan serta sauk kaki serangan
6. Serangan putar tendang lurus belakang - elak sisi dan sauk kaki serangan
7. Serangan putar sepak layang belakang - elak sisi dan sauk kaki serangan

NOTA TAMBAHAN

Serangan Maut (Kombat)

1. Patah Dayung Nasi Hangit
2. Patah Dayung Kuda Gila
3. Lambung Kuda Gila
4. Humber Ketam Kawah Pecah
5. Selak Dayung
6. Jinjit Kualii Pangku Mayat
7. Kebas Selak Dayung
8. Patah Alu Selak Dayung
9. Sambar Helang Pecah Kawah
10. Kuda Gila Pecah Tebu
11. Timang Puteri Humber Kawah
12. Sambar Helang Alu Patah
13. Gasing Emas
14. Kilas Dayung Perahu Karam
15. Patah Alu Tembi Siku
16. Pecah Kawah
17. Pikul Kawah
18. Kawah Sepit Patah Tebu
19. Pangku Lutut Patah Tebu
20. Pulas Patah Tebu
21. Tarian Kuda Gila

Buah Tapak Kunci Mati

1. Kilas sawa berendam
2. Kilas payung
3. Sangga maut
4. Kacip emas
5. Patah dayung
6. Cekak banting
7. Kacip selak emas
8. Pasung cina
9. Tali gantung
10. Kilas dayung tali gantung
11. Selak emas
12. Kilas tali
13. Tolak lintang
14. Sekapur sirih
15. Patah layar perahu karam
16. Patah julang
17. Patah sangga
18. Kilas biawak
19. Sangga kilas patah tebu
20. Pasak mati
21. Kilas buaya berendam

Pelajaran Tambahan

1. Seni Gerak Gayang
2. Seni Gada-gada
3. Seni Selayang Pandang
4. Seni Segulung & Seni Sepukai
4. Seni Serangan Rajawali
5. Seni Mayang Gesit
6. Seni Serbuk Beracun
7. Seni Senjatapi (Benet Charge M-16)
8. Pecahan Buah Tapak Kunci Mati
9. Pentas Hidup Senjata (Pelbagai)
10. Pukulan Maut
11. Tangkapan Sepakan
12. Serangan Sepakan

Pemusnahan & Ketahanan Diri

1. Pecah Genting
2. Pecah Bata
3. Patah Buluh
4. Kopak & pecah Kelapa
5. Lompat atas kaca
6. Besi keluli (dawai binaan)
7. Pecah & pancung botol
8. Kopak & cekau batang pisang
9. Tumbuk kertas

TEORI

LELAKI & WANITA (DEWASA)

BENGGUNG	TAJUK
Asas	
Awan Putih	
Pelangi Hijau	
Pelangi Merah	
Pelangi Merah I	
Pelangi Merah II	
Pelangi Merah III	
Pelangi Kuning	
Pelangi Kuning I	
Pelangi Kuning II	
Pelangi Kuning III	
Pelangi Kuning IV	
Pelangi Kuning V	

Pilihan Teori :

No.	TAJUK
1	Definasi Logo Pertubuhan
2	Sejarah Silat Seni Gayong Malaysia
3	Organisasi PSSGM - Pentadbiran
4	Organisasi PSSGM – Majlis Gurulatih
5	Organisasi PSSGM – Lembaga Adat Istiadat
6	Pendaftaran Keahlian
7	Pendaftaran Gurulatih & Gelanggang
8	Pengurusan Mandi Perlimau Tapak & Seni
9	Pengurusan Ujian Kenaikan Bengkung
10	Adab dalam Gelanggang
11	Sandang Kebesaran Silat Seni Gayong Malaysia
12	Tugas Ahli Sandang Berjawatan
13	Mandi Adat Silat Seni Gayong Malaysia

LAMBANG GAYONG



PENGERTIAN LAMBANG

Naga	- Melambangkan kekuatan di laut mahupun di darat. Ilmu Silat Seni Gayong ini sesuai dalam apa juga situasi.
Harimau	- Sikap pesilat yang bertenaga, bersikap garang tetapi penyayang, sikap berani dan berhemah seperti kata pepatah 'Harimau menyembunyikan kuku'.
Bulan dan Bintang	- Pegangan asas pengajaran adalah kepada agama Islam.
Dua keris bersilang	- Melambangkan semangat Tuah dan Jebat yang perlu dimiliki oleh setiap murid Gayong.
Pedang mata dua	- Pedang Zulfakar milik Saidina Ali a.s. melambangkan keberanian dan kepahlawanan panglima Islam yang telah menegakkan kebenaran.
Kendi / Bejana air	- Melambangkan Silat Seni Gayong tempat terkumpul segala ilmu dan teknik beladiri tradisional orang Melayu yang perlu ditimba oleh setiap lapisan masyarakat.
Bumi	- Cita-cita untuk mengembangkan silat di seluruh dunia.
Bengkung Harimau Pelangi Cula Sakti 7	- Kuasa Mahaguru sebagai eksekutif pentadbiran dan ilmu tertinggi.

PENGERTIAN WARNA

Putih	- Bersih dan suci
Hijau	- Keislaman
Merah	- Keberanian dan kepahlawanan
Kuning	- Kedaulatan raja-raja Melayu
Hitam	- Bayang-bayang atau persamaan sesama ahli Gayong

SEJARAH SILAT SENI GAYONG MALAYSIA

Pengasas perguruan Silat Seni Gayong Malaysia adalah Almarhum Dato' Meor Abdul Rahman bin Daeng Uda Md. Hashim, cucu kepada Daeng Kuning. Daeng Kuning atau lebih dikenali dengan gelaran Panglima Hitam adalah salah satu daripada lima adik-beradik anak raja Bugis yang mendarat di Tanah Melayu bagi mencari tempat untuk memulakan penghidupan baru. Tempat pendaratan mereka pada ketika itu disebut sebagai Pengkalan Aur yang mana kini lebih dikenali sebagai Air Kuning, Taiping. Baginda terus menetap di situ sementara yang lainnya meneruskan pengembaraan mereka. Daeng Kuning mangkat di Taiping dalam tahun 1875.

Dato' Meor Abdul Rahman bin Daeng Uda Md. Hashim, waris keturunan Daeng Kuning telah dilahirkan di Taiping pada 17hb Ogos 1915. Beliau mula mempelajari ilmu persilatan ketika berusia 12 tahun daripada datuknya, Syed Zainal Abidin Al-Attas. Syed Zainal atau Tuk Jenai pada ketika itu adalah seorang penghulu di Pekan merupakan seorang pendekar Pahang yang terkenal dengan perjuangannya menentang penjajahan Inggeris bersama-sama Allahyarham Mat Kilau, Dato' Bahaman (orang Kaya Semantan) dan rakan-rakannya. Beliau telah berundur dan berkeluarga di Taiping hinggalah dikurniakan beberapa orang anak, diantaranya Syarifah Alauyah iaitu ibu kepada Dato' Mahaguru Meor Abdul Rahman.

Setelah ilmu persilatannya dikhatamkan, Dato' Meor Abdul Rahman mula dikenali ramai. Ketika berumur 19 tahun, beliau telah dipanggil menunjukkan kebolehannya di hadapan Paduka Seri Sultan Perak, Almarhum Sultan Alang Iskandar di Istana Bukit Chandan dan diberi gelaran Panglima Sendo Perak (The Invincible Warrior of Perak) dan tinggal di istana buat beberapa ketika sehingga baginda mangkat pada tahun 1936.

Kehebatan Dato' Meor Abdul Rahman dalam bidang persilatan turut menyerlahkan dirinya ketika berhijrah ke Singapura pada tahun 1938. Beliau merupakan anak Melayu pertama ditugaskan sebagai jurulatih seni mempertahankan diri kepada Signal Corps dibawah pemerintahan Lt. Kol Pope di Gullman Barrack, Singapura. Kerana tidak mahu dirinya dijajah, beliau berundur ke Pulau Sudong, 12 km dari Singapura dalam tahun 1941 apabila tentera Jepun menyerang Singapura. Disinilah kali pertama Silat Seni Gayong mula diperkenalkan kepada sekumpulan tujuh orang belia, iaitu pada 17hb Februari 1942 jam 11.00 pagi. Di pulau tersebut dan pulau-pulau sekitarnya, beliau telah membuktikan kepintaran dan keberaniannya memperdaya, menewaskan tentera Jepun serta melindungi penduduk di pulau tersebut.

Atas kegigihan beliau, maka merebaklah pengaruhnya hingga Silat Seni Gayong berkembang ke pulau-pulau Indonesia, Singapura dan Semenanjung Tanah Melayu. Diatas jasanya yang cemerlang ketika bertugas di cawangan jenayah serta sumbangannya kepada Kerajaan British ketika menentang pendudukan Jepun di Singapura dan Malaya, beliau telah dikurniakan pingat King George V oleh baginda Ratu Elizabeth yang mana pada ketika itu Dato' Meor Abdul Rahman telah pun menjadi anggota polis di Jabatan Siasatan Jenayah, Singapura.

Dato' Meor Abdul Rahman terus gigih mengembangkan Silat Seni Gayong ke seluruh Tanah Melayu dan Singapura bermula dari tahun 1948. Setelah bersara dari pasukan polis, beliau telah menubuhkan Seni Gayong School di Woodland, Singapura pada 3 Disember 1960.

Pada tahun 1959, Allahyarham Dato' Onn bin Jaafar, pengasas UMNO dan penentang Malayan Union telah masuk menjadi ahli Silat Seni Gayong. Memandangkan sambutan terhadap seni silat ini begitu menggalakkan, beliau mencadangkan supaya ianya didaftarkan. Hasil usaha nasionalis Melayu ini serta Dato' Meor Abdul Rahman sendiri, seni silat ini telah berjaya didaftarkan di Johor bahru pada 22hb Oktober, 1963 (No. Pendaftaran 361) atas nama Pertubuhan Silat Seni Gayong Malaysia. Ianya merupakan pertubuhan silat yang pertama sekali berdaftar dan kini merupakan perguruan silat terbesar di Malaysia.

Silat Seni Gayong terus berkembang pesat di Semenanjung Malaysia di bawah kepimpinan Dato' Meor Abdul Rahman. Usaha dan pengorbanannya mengembangkan seni silat ini telah dirakam oleh Paduka Seri Sultan Perak, Duli Yang Maha Mulia Almarhum Sultan Idris dengan pengurniaan pingat Darjah Paduka Cula Si Manja Kini (DPCM) yang membawa kepada gelaran Dato'. Almarhum Dato' Meor Abdul Rahman bin Daeng Uda Md. Hashim mangkat di Taiping pada 23hb Jun 1991 ketika berusia 76 tahun.

ORGANISASI PSSGM

A. Pentadbiran

1. Badan Pentadbiran Pertubuhan merupakan badan utama dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pembangunan Silat Seni Gayong Malaysia. Ianya telah didaftarkan dibawah Akta Pembangunan Sukan 1997 dengan no. pendaftaran 0149/98. Pertubuhan ini bertindak memenuhi kehendak dasar-dasar kerajaan yang berkaitan dan berperanan sebagai agensi penghubung dengan organisasi luar dalam isu-isu yang berkaitan dengan Silat Seni Gayong Malaysia.
2. Badan Pentadbiran PSSGM dibantu oleh dua organisasi dalaman dengan tujuan mengukuhkan pengurusan dan pentadbiran Pertubuhan iaitu Majlis Gurulatih dan Lembaga Beradat. Perkara ini telah diperuntukan di dalam Perlembagaan Pertubuhan perkara 30 dan 31.
3. Terdapat 3 peringkat dalam PSSGM dengan susunan organisasi yang tersendiri iaitu peringkat Kebangsaan, Negeri dan Daerah. Berikut adalah struktur organisasinya :
 - a. Majlis Jawatankuasa Agung
 - i. Seorang Yang Di Pertua
 - ii. Seorang Timbalan Yang Di Pertua I
 - iii. Seorang Timbalan Yang Di Pertua II
 - iv. 3 orang Naib Yang Di Pertua
 - v. Seorang Setiausaha Agung
 - vi. Seorang Penolong Setiausaha Agung
 - vii. Seorang Bendahari Agung
 - viii. 8 hingga 10 orang Ahli Jawatankuasa
 - ix. Yang Di Pertua boleh dengan persetujuan Ahli Jawatankuasa melantik 5 orang Ahli Jawatankuasa Tambahan
 - b. Majlis Jawatankuasa Negeri
 - i. Seorang Yang Di Pertua
 - ii. Seorang Timbalan Yang Di Pertua
 - iv. 2 orang Naib Yang Di Pertua
 - v. Seorang Setiausaha Negeri
 - vi. Seorang Penolong Setiausaha Negeri
 - vii. Seorang Bendahari
 - viii. 6 hingga 10 orang Ahli Jawatankuasa
 - ix. Yang Di Pertua boleh dengan persetujuan Ahli Jawatankuasa melantik 5 orang Ahli Jawatankuasa Tambahan
 - c. Majlis Jawatankuasa Daerah
 - i. Seorang Pengerusi
 - ii. Seorang Timbalan Pengerusi
 - iii. Seorang Setiausaha
 - iv. Seorang Penolong Setiausaha
 - v. Seorang Bendahari
 - vi. 5 hingga 10 orang Ahli Jawatankuasa

B. Majlis Gurulatih

1. Berperanan mengawal dan mentadbir urusan kejurulatihan dan pelajaran Silat Seni Gayong Malaysia.
2. Mempunyai struktur organisasi di peringkat kebangsaan dan negeri sahaja. Badan kebangsaan adalah penentu dan pengawal dasar, manakala badan negeri adalah pelaksana dasar tersebut dan kurikulum latihan serta mentadbir urusan kejurulatihan negeri.
3. Majlis Gurulatih Kebangsaan dianggotai oleh pengerusi-pengerusi atau wakil-wakil Majlis Gurulatih Negeri yang akan membentuk majlis seperti berikut :
 - i. Seorang Pengerusi
 - ii. Seorang Timbalan Pengerusi
 - iii. 2 orang Naib Pengerusi
 - iv. Seorang Setiausaha
 - v. Seorang Penolong Setiausaha
 - vi. Seorang Bendahari
 - vii. Pengerusi boleh, dengan persetujuan Ahli Jawatankuasa, melantik 5 orang Ahli Jawatankuasa Tambahan.
4. Majlis Gurulatih Negeri dianggotai oleh gurulatih Pelangi Hitam dan Pelangi Kuning. Pengerusinya mesti seorang Pelangi Hitam. Pembentukan majlis adalah seperti berikut :
 - i. Seorang Pengerusi
 - ii. Seorang Timbalan Pengerusi
 - iii. Seorang Setiausaha
 - iv. Seorang Bendahari
 - v. 5 hingga 10 orang Ahli Jawatankuasa
5. Lembaga Waris Amanah akan menjadi penasihat kepada Majlis Gurulatih Kebangsaan manakala Pelangi Hitam Negeri akan menjadi penasihat kepada Majlis Gurulatih Negeri.

C. Lembaga Beradat

1. Bertindak mengawasi perjalanan Silat Seni Gayong berlandaskan peraturan dan adat Silat Seni Gayong.
2. Mempunyai struktur organisasi di peringkat kebangsaan dan negeri sahaja. Badan kebangsaan adalah penentu dan pengawal dasar, manakala badan negeri adalah pelaksana dasar tersebut dan protokol Silat Seni Gayong serta mentadbir urusan adat istiadat negeri.
3. Lembaga Adat Istiadat Kebangsaan dianggotai oleh pengerusi-pengerusi atau wakil-wakil Lembaga Adat Istiadat Negeri yang akan membentuk majlis seperti berikut :
 - i. Seorang Pengerusi
 - ii. Seorang Timbalan Pengerusi
 - iii. 2 orang Naib Pengerusi
 - iv. Seorang Setiausaha
 - v. Seorang Penolong Setiausaha
 - vi. Seorang Bendahari
 - vii. Pengerusi boleh, dengan persetujuan Ahli Jawatankuasa, melantik 5 orang Ahli Jawatankuasa Tambahan.
4. Lembaga Adat Istiadat Negeri dianggotai oleh pemegang sandang berjawatan. Pengerusinya mesti sekurang-kurangnya seorang Waris Beradat. Pembentukan majlis adalah seperti berikut :
 - i. Seorang Pengerusi
 - ii. Seorang Timbalan Pengerusi
 - iii. Seorang Setiausaha
 - iv. Seorang Bendahari
 - v. 5 hingga 10 orang Ahli Jawatankuasa
5. Lembaga Waris Amanah akan menjadi penasihat kepada Lembaga Adat Istiadat Kebangsaan manakala Khalifah-khalifah Besar akan menjadi penasihat kepada Lembaga Adat Istiadat Negeri.

PENGURUSAN MANDI PERLIMAU TAPAK & SENI

1. Panduan menguruskan mandi perlimau tapak & seni adalah seperti berikut :
 - a. **2 bulan sebelum hari pelaksanaan**
 - i. Tetapkan tarikh, masa, tempat & wakil mandi yang akan dilantik. Maklumkan perkara tersebut kepada murid-murid dan pihak gelanggang.
 - ii. Edarkan senarai peralatan dan yuran yang perlu disediakan oleh murid-murid
 - b. **2 minggu sebelum hari pelaksanaan**
 - i. Kumpulkan yuran mandi dan senaraikan nama murid-murid yang terlibat. Periksa persediaan peralatan mandi murid-murid agar lengkap semuanya.
 - ii. Maklum semula kepada wakil mandi yang dilantik berhubung dengan pelaksanaan majlis
 - c. **Hari pelaksanaan**
 - i. Rekodkan yuran mandi dalam Borang Yuran Mandi Perlimau Adat dengan lengkapnya.
 - ii. Serahkan yuran dan borang tersebut kepada wakil mandi untuk tujuan agihan.
2. Jika majlis tersebut melibatkan penyertaan beberapa gelanggang, Borang Yuran Mandi berasingan hendaklah digunakan untuk setiap gelanggang. Penggunaan borang yang sama akan mengakibatkan rekod tidak dapat menunjukkan gelanggang mana yang telah menjalani majlis mandi adat. Gurulatih dan pihak gelanggang yang berkenaan akan dipanggil untuk memberi penjelasan apabila pemantauan dibuat oleh pihak Pertubuhan.
3. Kadar yuran mandi perlimau Tapak & Seni adalah seperti berikut :

a.	Mandi Tapak (Lelaki)	-	RM11.50
b.	Mandi Seni (Lelaki)	-	RM21.50
c.	Mandi Seni (Wanita)	-	RM11.50
4. Agihan yuran adalah berdasarkan kepada seorang pesilat yang dimandikan.

a.	Gurulatih Gelanggang	-	RM1.00
b.	Gelanggang	-	RM1.00
c.	Wakil Mandi	-	RM2.00

 - d. Baki yuran setelah ditolak dengan kos-kos tersebut, hendaklah diserahkan kepada Wakil Mandi untuk urusan selanjutnya dengan pihak pejabat PSSGM Negeri.

PENGURUSAN UJIAN KENAIKAN BENGKUNG

1. Panduan menguruskan ujian kenaikan bengkung adalah seperti berikut :
 - a. **2 bulan sebelum hari pelaksanaan**
 - i. Tetapkan tarikh, masa, tempat & ketua penguji yang akan dilantik. Maklumkan perkara tersebut kepada murid-murid dan pihak gelanggang.
 - ii. Kenalpasti murid yang layak untuk diuji dan yuran yang perlu disediakan oleh mereka.
 - iii. Memastikan gurulatih, gelanggang dan keahlian murid-murid telah didaftarkan. Jika tiada pendaftaran dibuat, pengeluaran sijil dan bengkung akan digantung oleh pihak Pertubuhan.
 - b. **2 minggu sebelum hari pelaksanaan**
 - i. Kumpulkan yuran ujian dan senaraikan nama murid-murid yang terlibat. Periksa persediaan peralatan mandi murid-murid agar lengkap semuanya.
 - ii. Maklum semula kepada ketua penguji yang dilantik berhubung dengan pelaksanaan ujian.
 - c. **Hari pelaksanaan**
 - i. Rekodkan yuran ujian dalam Borang Yuran Ujian Kenaikan Bengkung dengan lengkapnya.
 - ii. Serahkan yuran dan borang tersebut kepada ketua penguji untuk tujuan agihan.
2. Jika ujian tersebut melibatkan penyertaan beberapa gelanggang, Borang Yuran Ujian berasingan hendaklah digunakan untuk setiap gelanggang. Penggunaan borang yang sama akan mengakibatkan rekod tidak dapat menunjukkan gelanggang mana yang telah menjalani ujian kenaikan bengkung. Gurulatih dan pihak gelanggang yang berkenaan akan dipanggil untuk memberi penjelasan apabila pemantauan dibuat oleh pihak Pertubuhan.
3. Kadar yuran ujian kenaikan bengkung ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Kadar yuran ujian mengikut bengkung

BIL	BENGKUNG	RM
1	Asas hingga Awan Putih Cula Hitam	15.00
2	Asas	20.00
3	Awan Putih	25.00
4	Pelangi Hijau	30.00
5	Pelangi Merah hingga Pelangi Merah Cula 3	35.00
6	Pelangi Kuning hingga Pelangi Kuning Cula 5	60.00
7	Pelangi Hitam Cula Satu hingga Cula 6	100.00

4. Agihan yuran adalah berdasarkan kepada seorang pesilat yang diuji seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Agihan yuran ujian bengkung

BIL	BENKUNG	RM
1	Gurulatih Gelanggang	1.00
2	Gelanggang	1.00
3	Penguji	2.00

- d. Baki yuran setelah ditolak dengan kos-kos tersebut, hendaklah diserahkan kepada Ketua Penguji untuk urusan selanjutnya dengan pihak pejabat PSSGM Negeri bagi tujuan penyediaan bengkung dan sijil serta kos pentadbiran pertubuhan.

ADAB DALAM GELANGGANG SILAT

Gelanggang silat merupakan satu tempat dimana semua murid-murid Gayong berlatih bersilat. Oleh yang demikian, kawasan ini dianggap sebagai kawasan larangan bagi mengelakkan berlakunya sebarang kecederaan atau celaan dari masyarakat. Beberapa peraturan atau larangan telah digariskan yang wajib diikuti oleh semua pesilat apabila berlatih dalam gelanggang seperti berikut :

1. Mendapat izin gurulatih untuk berlatih bersama
2. Tepati masa latihan silat
3. Tidak berkasut atau berselipar
4. Bergakaian silat yang lengkap dan betul mengikut adat Gayong
5. Dilarang meludah, merokok dan bersembang
6. Dilarang Makan dan minum
7. Sentiasa mengikut arahan Guru.

A. Formasi Gelanggang

Formasi barisan dalam membuka atau menutup gelanggang mempunyai tiga jenis iaitu:

1. Gelanggang Bulat

Pesilat lelaki berada di sebelah kanan dan pesilat wanita berada di sebelah kiri Imam Gelanggang. Pesilat lelaki yang paling kanan tingkatan bengkung akan berada di sebelah Imam Gelanggang diikuti dengan yang kedua kanan sehingga kepada pesilat lelaki yang paling muda tingkatan bengkung (biasanya peringkat Asas). Susunan ini adalah sama bagi pesilat wanita, yang paling kanan hingga yang paling muda, kesemuanya di sebelah kiri Imam Gelanggang.

2. Gelanggang '*Balairong*'

Seperti yang dinyatakan di atas, pesilat lelaki berada di sebelah kanan Imam Gelanggang dan pesilat wanita di sebelah kiri. Kedua-dua pihak akan membuat barisan mengadap sesama sendiri. Jika barisan terlalu panjang maka hendaklah dibuat barisan kedua. Bilangan pesilat barisan hendaklah sekata dan di dalam bilangan ganjil.

3. Gelanggang Medan

Kesemua pesilat akan berbaris seperti saf sembahyang. Kesemua pesilat lelaki berada di depan dan para pesilat wanita berada di belakang barisan pesilat lelaki. Dalam barisan saf lelaki, yang paling kanan akan berada di barisan pertama dan diikuti seterusnya mengikut tingkatan bengkung. Penyusunan ini adalah sama pada pesilat wanita.

Penyusunan formasi gelanggang adalah bergantung kepada keadaan tempat dan masa. Ini terserah kepada Imam Gelanggang. Dalam keadaan mana pun, Imam Gelanggang mesti mengadap para pesilatnya.

B. Pembukaan Dan Penutupan Gelanggang

1. Keadaan duduk

Kesemua ahli-ahli hendaklah duduk berlutut dengan kedua-dua tangan bergenggam di atas tanah. Telapak kaki mesti duduk lurus seperti duduk tahiyat dalam sembahyang, tidak boleh bertanjat. Susunan duduk sesama ahli bergantung kepada formasi gelanggang yang dibentuk.

2. Bacaan Imam Gelanggang

Setelah semua ahli telah berkumpul dalam keadaan bersedia untuk membuka / menutup gelanggang, Guru Gelanggang mesti memulakan bacaan dengan mukadimah gelanggang berikut dengan terang dan jelas kepada semua ahli ;

' Sebelum kita mulakan/tamatkan latihan/persembahan kita pada hari ini, marilah kita sama-sama membacakan Surah Al-Fatihah sekali, Surah AL-Ikhlas sebelas kali dan selawat ke atas Nabi tiga kali. Jika ada berkat dan pahalanya, kita fidyahkan kepada junjungan besar kita Nabi Muhammad s.a.w. dan para sahabatnya, wali-wali Allah, muslimin muslimah yang masih hidup ataupun yang telah mati, ibubapa dan guru-guru kami serta Allahyarham Dato' Meor Abdul Rahman.....

Jikalau membuka gelanggang, sambungan doa adalah seperti berikut :

Kita berdoa ke hadrat Illahi agar latihan/persembahan kita pada hari ini akan selamat dari segala gangguan jin, syaitan dan manusia. Insyallah. Al-Fatihah

Jikalau menutup gelanggang, sambungan doa adalah seperti berikut :

Kita bersyukur ke hadrat Illahi atas ilmu yang telah kita pelajari dan berdoa agar usaha kita diberkati oleh Allah. Insyallah. Al-Fatihah

Sebelum Guru Gelanggang mula menyebut 'Al-Fatihah' selepas membaca mukadimah gelanggang, beliau terlebih dahulu mesti membaca dengan sendiri ayat-ayat berikut :

1. Selawat ke atas Nabi (3 kali)
2. Ayat membuka/menutup gelanggang ;
'Wahususun Illarohi Sultan Auliak Sheikh Abdul Kadir Zailani, Ya Sheikh Abu Haniffah, Ya Sheikh Syed Zainal Abidin bin Sheikh Syed Idris Al'Attas'

Selepas sebutan 'Al-Fatihah' dari Guru Gelanggang, semua pesilat akan membacakan :

1. Surah Al-Fatihah (1 kali)
2. Surah AL-Ikhlas (11 kali)
3. Selawat ke atas Nabi (3 kali)

Sekiranya hari latihan/persembahan jatuh pada malam atau hari Jumaat, jumlah bacaan membuka/ menutup gelanggang akan bertambah seperti berikut :

1. Surah Al-Fatihah (3 kali)
2. Surah AL-Ikhlas (33 kali)
3. Selawat ke atas Nabi (11 kali)

C. Adab Mengambil Tapak

Adat mengambil tapak merupakan satu tatacara memberi hormat dalam sesuatu majlis atau upacara Silat Seni Gayong. Tatacara ini dilakukan lazimnya dalam upacara menerima kenaikan bengkung, memohon keizinan untuk bergelanggang atau membuat demonstrasi dan menerima sandang kebesaran.

1. Tatacara dan adat

Secara amnya, adat mengambil tapak melalui 5 peringkat tatacara :

- i. Berbaris mengadap dan memberi hormat.
- ii. Melangkah ke hadapan mengikut kiraan.
- iii. Memberi hormat dan duduk berlutut / berdiri
- iv. Memberi hormat semula dan berundur ke belakang mengikut kiraan.
- v. Memberi hormat dan bersurai.

2. Kategori sembah hormat

Cara memberi hormat ialah dengan merapatkan kedua belah tapak tangan dan memberi hormat kepada yang dihormati mengikut darjat yang ditentukan seperti berikut :

PENYANDANG	CARA PENGADAPAN
Penaung Agung dan Negeri Mahaguru	Di Batu Jembala 7 langkah, ibu jari mencecah embun kepala
Pemegang Amanah Imam Khalifah Agung Timbalan Imam Khalifah Agung Imam Khalifah Negeri Timbalan Imam Khalifah Negeri	Di Pandangan 7 langkah, ibu jari mencecah kening mata
Kipas Emas & Khalifah Besar Waris Beradat & Ketua Beradat	Di Atas Kata-kata 7 langkah, ibu jari mencecah di atas mulut
Khalifah Kanan & Khalifah	Di Bawah Kata-kata 7 langkah, ibu jari mencecah di bawah mulut
Khalifah Muda	Di Sanubari 7 langkah, ibu jari mencecah di dada

Dalam keadaan duduk berlutut, terdapat 2 peringkat iaitu:

- A. Peringkat Tapak
Duduk berlutut dengan lutut kanan ditegakkan dan lutut kiri dibenam ke bumi.
- B. Peringkat Seni
Duduk berlutut dengan kedua-dua lutut dibenam ke bumi.

SANDANG ADAT SILAT SENI GAYONG

Terdapat 2 jenis Sandang Adat iaitu Sandang Berjawatan (13 peringkat) dan Sandang Kehormat (8 peringkat). Difahamkan kesemua sandang ini mempunyai nama-nama khas adat yang diperkenankan diambil dari Istana Negeri Perak Darul Ridzuan oleh Almarham Sultan Idris Shah.

BIL	SANDANG BERJAWATAN	SANDANG KEHORMAT
1	Seri Mahkota Agung Cula Sakti	Mahkota Agung Seri Pelangi Sakti
2	Seri Mahkota Agung Pelangi Sakti	Mahkota Agung Seri Bintang Pelangi
3	Seri Mahkota Agung Cula Pelangi	Mahkota Agung Seri Relang Pelangi
4	Seri Mahkota Agung Bintang Pelangi	Mahkota Seri Bintang Pelangi
5	Seri Mahkota Agung Relang Pelangi	Mahkota Seri Relang Pelangi
6	Seri Mahkota Bintang Pelangi	Mahkota Seri Cahaya Pelangi
7	Seri Mahkota Relang Pelangi	Mahkota Cula Pelangi
8	Seri Mahkota Cahaya Pelangi	Mahkota Bintang Pelangi
9	Seri Cula Pelangi	
10	Seri Bintang Pelangi	
11	Seri Relang Pelangi	
12	Seri Cahaya Pelangi	
13	Seri Pelangi	

A. Sandang Berjawatan

- i. Dianugerahkan kepada ahli dan murid Gayong bagi menentukan kekananan mereka dalam sesuatu majlis formal Pertubuhan.
- ii. Kriteria penganugerahan berdasarkan kepada peringkat bengkung, aktif dalam Pertubuhan, kegurulatihan dan lain-lain.

B. Sandang Kehormat

- i. Dianugerahkan kepada bukan ahli Pertubuhan yang sebagai satu penghormatan atas jasa mereka dalam membangunkan Silat Seni Gayong Malaysia.
- ii. Kriteria penganugerahan berdasarkan kepada Susunan Keutamaan Persekutuan dari Warta Kerajaan Malaysia.

C. Sandang Khas

- i. Dianugerahkan kepada ahli dan murid Gayong yang mempunyai peranan khas dalam organisasi Adat Silat Seni Gayong.
- ii. Sandang khas tersebut adalah Waris Amanah dan Pelangi Hitam.
- iii. Tidak mempunyai nama khas adat seperti Sandang Berjawatan dan Kehormat kerana diwujudkan di waktu selepas diperkenankan penggunaan nama sandang dari Istana Perak.

SANDANG BERJAWATAN DAN PENYANDANG

BIL	NAMA SANDANG	KEBANGSAAN	NEGERI	PENYANDANG
1.	Seri Mahkota Agung Cula Sakti	Penaung Agung	-	Sultan Perak yang memerintah
2.	Seri Mahkota Agung Pelangi Sakti	-	Penaung Negeri	Sultan-sultan atau TYT yang memerintah
3.	Seri Mahkota Agung Cula Pelangi	Mahaguru	-	-
4.	Seri Mahkota Agung Bintang Pelangi	Imam Khalifah Agung	-	Harimau Pelangi Hitam 6
5.	Seri Mahkota Agung Relang Pelangi	Timbalan Imam Khalifah Agung	Imam Khalifah Negeri	Harimau Pelangi Hitam 6
6.	Seri Mahkota Bintang Pelangi	-	Timbalan Imam Khalifah Negeri	Harimau Pelangi Hitam 6
7.	Seri Mahkota Relang Pelangi	-	Kipas Emas	Harimau Pelangi Hitam 5 atau 6
8.	Seri Mahkota Cahaya Pelangi	-	Khalifah Besar	Harimau Pelangi Hitam 5 atau t6
9.	Seri Cula Pelangi	-	Waris Beradat	Harimau Pelangi Hitam 4, 5 atau 6
10.	Seri Bintang Pelangi	-	Ketua Beradat	Harimau Pelangi Hitam 1, 2 atau 3
11.	Seri Relang Pelangi	-	Khalifah Kanan / Srikandi Kanan	Pelangi Kuning 3, 4 atau 5
12.	Seri Cahaya Pelangi	-	Khalifah / Srikandi	Pelangi Kuning Mulus, 1 atau 2
13.	Seri Pelangi	-	Khalifah Muda / Srikandi Muda	Pelangi Merah 1, 2 atau 3

* Kedudukan Lembaga Waris Amanah sebelumnya dipegang oleh Mahaguru dan Pemegang-pemegang Amanah

PENERIMA SANDANG KEHORMAT & PENYANDANG

BIL	NAMA SANDANG	PENYANDANG
1.	Mahkota Agung Seri Pelangi Sakti	Keutamaan Persekutuan No. 6 – 10A
2.	Mahkota Agung Seri Bintang Pelangi	Keutamaan Persekutuan No. 11 – 20
3.	Mahkota Agung Seri Relang Pelangi	Keutamaan Persekutuan No. 21 – 30
4.	Mahkota Seri Bintang Pelangi	Keutamaan Persekutuan No. 31 – 40
5.	Mahkota Seri Relang Pelangi	Keutamaan Persekutuan No. 41 – 50
6.	Mahkota Seri Cahaya Pelangi	Keutamaan Persekutuan No. 51 – 60 Darjah Kebesaran Negeri (Kelas Satu)
7.	Mahkota Cula Pelangi	Keutamaan Persekutuan No. 61 – 70 Darjah Kebesaran Negeri (Kelas Dua & Tiga)
8.	Mahkota Bintang Pelangi	Penaung & Penasihat Gelanggang

* Susunan Keutamaan Persekutuan yang terkini adalah dari Warta Kerajaan Malaysia Jilid 42 No.2 P.U. (B) 29 bertarikh 22 Januari 1998.

SUSUNAN KEUTAMAAN PERSEKUTUAN

Susunan Keutamaan Persekutuan yang terkini adalah dari Warta Kerajaan Malaysia Jilid 42 No.2 P.U. (B) 29 bertarikh 22 Januari 1998. Sebanyak 70 peringkat perjawatan yang disusun dan disenaraikan seperti berikut:

1. Yang di-Pertuan Agong
2. Raja Permaisuri Agong
3. Raja-raja dan Pemangku-pemangku Raja
4. Yang Di-Pertua Negeri-negeri
5. Bekas-bekas Raja Permaisuri Agong yang menerima saraan DiRaja daripada Kerajaan Persekutuan
6. Perdana Menteri
7. Timbalan Perdana Menteri
- 7A. Bakal-bakal Raja (Tengku Mahkota/Raja Muda)
8. Ahli-ahli Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.)
9. Ahli-ahli Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.) – Tun
10. Ahli-ahli Seri Setia Mahkota (S.S.M.) – Tun
11. Ketua Hakim Negara Mahkamah Persekutuan
12. Yang Di-Pertua Dewan Negara
13. Yang Di-Pertua Dewan Rakyat
14. Bekas-bekas Perdana Menteri
15. Bekas-bekas Timbalan Perdana Menteri
16. Ahli-ahli Jemaah Menteri
17. Setiausaha Jemaah Menteri / Ketua Setiausaha Negara
- 17A. Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri
18. Peguam Negara
19. Panglima Angkatan Negara
20. Ketua Polis Negara
21. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
22. Timbalan-timbalan Menteri
23. Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara dan Timbalan yang di-Pertua Dewan Rakyat
24. Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi, Duta-duta Besar, Menteri-menteri Mutlak, Pemangku-pemangku Pesuruhjaya Tinggi dan Kuasa-kuasa Usaha
25. Presiden Mahkamah Rayuan
26. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Malaya
27. Hakim Besar Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak
28. Ketua Pembangkang di Parlimen
29. Hakim-hakim Mahkamah Persekutuan
30. Hakim-hakim Mahkamah Rayuan
31. Setiausaha-setiausaha Parlimen
32. Bekas Ketua Setiausaha Negara
33. Pegawai-pegawai Gred Utama Turus I, II dan III
34. Bekas Peguam Negara, Bekas Panglima Angkatan Tentera dan Bekas Ketua Polis Negara
35. Pengerusi-pengerusi Suruhanjaya yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan Persekutuan
36. Hakim-hakim Mahkamah Tinggi
37. Pengerusi Tribunal Perkhidmatan Awam
38. Pesuruhjaya-pesuruhjaya Kehakiman
39. Ketua Audit Negara
40. Gabenor Bank Negara
41. Datuk Bandar Kuala Lumpur.
42. Pengerusi Majlis Rasmi Kerajaan
43. Mufti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.
44. Penyimpan Mohor Besar Raja-raja
45. Datuk Paduka Maharaja Lela
46. Ahli-ahli Panglima Mangku Negara (P.M.N.) – Tan Sri
47. Ahli-ahli Panglima Setia Mahkota (P.S.M.) – Tan Sri
48. Profesor-profesor DiRaja
49. Ahli-ahli Panglima Jasa Negara (P.J.N.) - Datuk
50. Ahli-ahli Panglima Setia DiRaja (P.S.D.)
- 50A. Timbalan-timbalan Menteri Besar dan Timbalan-timbalan Ketua Menteri
- 50B. Speaker Dewan-dewan Undangan Negeri

51. Ahli-ahli Dewan Negara
52. Ahli-ahli Dewan Rakyat
53. Pegawai-pegawai Gred Utama 'A' dan pegawai-pegawai Tentera dan Polis yang setaraf dengannya.
54. Panglima Tentera Darat
55. Panglima Tentera Laut
56. Panglima Tentera Udara
57. Timbalan Ketua Polis Negara
58. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian
59. Naib-naib Canselor Universiti
- 59A. Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negeri Kerajaan Negeri (Exco) dan Menteri-menteri Negeri di Sabah dan Sarawak
60. Pegawai-pegawai Gred 'B' dan pegawai-pegawai Tentera dan Polis yang setaraf dengannya.
61. Pengerusi-pengerusi Badan-badan Berkanun Persekutuan dan Ketua-ketua Badan Berkanun Persekutuan yang setaraf dengan Gred Utama 'B' dan ke atas.
62. Wakil-wakil Tempatan Bangsa-bangsa Bersatu
63. Pegawai-pegawai Gred Utama 'C', Pegawai-pegawai Tentera dan Polis dan Ketua-Ketua Badan Berkanun yang setaraf dengannya.
- 63A. Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (DUN)
64. Ahli-ahli Johan Mangku Negara (J.M.N.)
65. Ahli-ahli Setia Mahkota (J.S.M.)
66. Ahli-ahli Johan Setia Diraja (J.S.D.)
67. Pegawai-pegawai Gred 1, Pegawai-pegawai Tentera dan Polis dan Ketua-ketua Badan Berkanun Persekutuan yang setaraf dengannya.
68. Setiausaha-setiausaha Politik
69. Pegawai-pegawai Gred 2 Pegawai-pegawai Tentera dan Polis dan Ketua-ketua Badan Berkanun Persekutuan yang setaraf dengannya
70. Konsul-konsul Besar negara-negara yang tiada perwakilan diplomatik di Malaysia

Rujukan

1. Warta Kerajaan Malaysia(1998). Susunan Keutamaan Persekutuan. Warta Kerajaan Malaysia Jilid 42 No.2 P.U. (B) 29, 22 Januari, 1998.
2. Mokhtar Mohd Tahir (1999). Protokol Dan Etiket Dalam Pengurusan Dan Menghadiri Majlis. Institut Tadbiran Awam Negara.

SENARAI DARJAH KEBESARAN NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

1. Seri Paduka Mahkota Selangor
(Kelas Pertama : S.P.M.S.) – *Dato' Seri*
2. Dato' Setia - Sultan Sharafuddin Idris Shah
(Kelas Pertama : S.S.I.S.) – *Dato' Setia*
3. Dato' Paduka Mahkota Selangor
(Kelas Kedua : D.P.M.S.) – *Dato'*
4. Dato' - Sultan Sharafudin Idris Shah
(Kelas Kedua : D.S.I.S.) – *Dato'*

TUGAS-TUGAS PENYANDANG SANDANG BERJAWATAN (KEBANGSAAN)

KEDUDUKAN	KELAYAKAN	TUGAS
Penaung Agung	- Sultan Perak yang memerintah	- Tetamu Diraja Majlis Beradat PSSGM Pusat - Penyampai sandang adat Silat Seni Gayong
Lembaga Waris Amanah	- Harimau Pelangi Hitam 6 - Disandang oleh 7 orang sahaja - Dilantik oleh ahli Lembaga Waris Amanah yang lain - Mendapat kepercayaan semua Imam Khalifah Agung & Negeri	- Sebagai pengganti Mahaguru & Pemegang Amanahnya - Panel Pengerusi Persidangan Lembaga Waris Amanah - Menasihati pentadbiran PSSGM Pusat & negeri-negeri - Melantik Imam Khalifah Agung dan Timbalannya, Imam Khalifah Negeri dan Timbalannya, Kipas Emas dan Khalifah Besar - Melantik Pengerusi MGK & LBK dan wakil-wakil Mandi - Bertindak sebagai Badan Penapis Amanah dalam mengadili kes-kes pertikaian peringkat kebangsaan di mana keputusan adalah muktamad dan wajib diterima oleh semua pihak
Imam Khalifah Agung	- Menjadi Imam Khalifah Negeri sebelumnya - Mendapat kepercayaan & sokongan semua Imam Khalifah Negeri	- Pengerusi Persidangan Imam Khalifah Agung - Menasihati pentadbiran 3 badan PSSGM Pusat - Hos utama Majlis Beradat PSSGM Pusat
Timbalan Imam Khalifah Agung	- Imam Khalifah Negeri semasa - Mendapat kepercayaan & sokongan semua Imam Khalifah Negeri	- Menggantikan kedudukan dan tugas Imam Khalifah Agung semasa ketiadaannya

TUGAS-TUGAS PENYANDANG SANDANG BERJAWATAN (NEGERI)

KEDUDUKAN	KELAYAKAN	TUGAS
Penaung Negeri	- Sultan-sultan / TYT yang memerintah	- Tetamu Diraja Majlis Beradat PSSGM - Penyampai sandang adat Silat Seni Gayong
Imam Khalifah Negeri	- Harimau Pelangi Hitam Cula Sakti 6 - Berintegriti dan mempunyai sifat kepimpinan yang tinggi - Pengalaman dalam adat, kejurulatihan & pentadbiran	- Mempengerusi Persidangan Imam Khalifah Negeri - Hos utama kepada Majlis-majlis Beradat Negeri
Timbalan Imam Khalifah Negeri	ATAU - Pemimpin negeri atau tokoh industri - Murid Gayong dan Ahli PSSGM Seumur Hidup	- Menggantikan kedudukan dan tugas Imam Khalifah Agung semasa ketiadaannya
Kipas Emas	- Harimau Pelangi Hitam Cula Sakti 5 atau 6 - Disandang seorang sahaja dari kalangan Waris Beradat - Tempoh memegang sandang antara 3 hingga 5 tahun - Berpengalaman dalam adat, kejurulatihan dan pentadbiran - Adil dan boleh membuat keputusan yang baik - Tidak memegang sebarang jawatan dalam PSSGM	- Menjadi hakim dalam negeri tersebut - Mengadili kes-kes pertikaian dalam negeri - Keputusan dibuat adalah muktamad dan wajib diterima oleh semua pihak
Khalifah Besar	- Harimau Pelangi Hitam Cula Sakti 5 atau 6 - Disandang tidak lebih dari 4 orang - Berpengalaman dalam adat, kejurulatihan dan pentadbiran	- Menjadi penasihat pengurusan - Menasihati LBN dalam adat dan protokol - Menasihati Admin Negeri dalam pentadbiran negeri
Pelangi Hitam	- Harimau Pelangi Hitam Cula Sakti 6 - Disandang seorang sahaja - Mempunyai ilmu persilatan yang tinggi	- Menjadi pakar rujuk pelajaran silat - Menasihati MGN dalam persilatan & kejurulatihan

KEDUDUKAN	KELAYAKAN	TUGAS
Waris Beradat	<ul style="list-style-type: none"> - Harimau Pelangi Hitam Cula Sakti 4, 5 atau 6 - Dipilih oleh MGN dan LBN - Ahli PSSGM Seumur Hidup - Baik dalam rekod pentadbiran Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> - Mencalun Imam Khalifah Negeri dan Timbalannya - Mencalun Kipas Emas dan Khalifah Besar - Melantik Pengerusi LBN dan MGN
Ketua Beradat	<ul style="list-style-type: none"> - Harimau Pelangi Hitam Cula Sakti 1, 2 atau 3 - Dipilih oleh MGN dan LBN - Ahli PSSGM Seumur Hidup - Baik dalam rekod pentadbiran Negeri 	<ul style="list-style-type: none"> - Mencalun Imam Khalifah Negeri dan Timbalannya - Mencalun Kipas Emas dan Khalifah Besar - Melantik Pengerusi LBN dan MGN
Khalifah Kanan / Serikandi Kanan	<ul style="list-style-type: none"> - Pelangi Kuning Cula 4, 5 atau 6 - Dipilih oleh MGN dan LBN - Baik dalam rekod pentadbiran Negeri 	Tiada
Khalifah / Serikandi	<ul style="list-style-type: none"> - Pelangi Kuning Cula 1, 2 atau 3 - Dipilih oleh MGN dan LBN - Baik dalam rekod pentadbiran Negeri 	Tiada
Khalifah Muda / Serikandi Muda	<ul style="list-style-type: none"> - Pelangi Merah Cula 1, 2 atau 3 - Dipilih oleh MGN dan LBN serta - Baik dalam rekod pentadbiran Negeri 	Tiada

MANDI ADAT SILAT SENI GAYONG

Mandi Adat Silat Seni Gayong adalah upacara-upacara adat istiadat Silat Seni Gayong yang merupakan sebahagian daripada aktiviti teras perguruan ini. Kesemua upacara mandi ini telah dirujuk kepada pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan didapati tidak melanggar syarak.

1. Mandi Perlimau Tapak

Sebelum seseorang itu dapat diterima sebagai murid Gayong, ia mestilah menjalani upacara **Mandi Perlimau Tapak**. Ianya merupakan upacara penerimaan seseorang itu sebagai murid Gayong yang hanya dibuat sekali seumur hidup sahaja. Ia hanya dilalui oleh pesilat lelaki sahaja pada peringkat bengkung Asas dan wanita dikecualikan dari upacara ini. Mengikut adat, seseorang itu tidak boleh belajar apa-apa pelajaran Silat Seni Gayong walaupun sebuah jikalau tidak diperlimau adat terlebih dahulu. Kelengkapan untuk upacara mandi perlimau tapak untuk seorang pesilat terdiri daripada buah asam jawa, garam kasar, kemenyan, biji bertih, 7 batang jarum, pisang emas, akar sintuk, limau nipis, sebatang lilin dan wang pengeras RM11.50 seorang.

2. Mandi Perlimau Seni

Mandi Perlimau Seni adalah upacara membolehkan seseorang murid Gayong itu belajar dan bermain senjata. Kaum wanita pada peringkat bengkung Asas wajib melalui upacara inidan dikecualikan dari menjalani upacara Mandi Perlimau Tapak. Kaum lelaki pula boleh mengikuti upacara ini seawal peringkat bengkung Pelangi Hijau. Kelengkapan untuk upacara mandi perlimau seni untuk seorang pesilat terdiri daripada buah asam jawa, garam kasar, kemenyan, biji bertih, 21 batang jarum, pisang emas, akar sintuk, limau nipis, sebatang lilin, 7 jenis kuntum bunga dan wang pengeras (RM21.50 untuk lelaki, RM11 untuk wanita).

3. Mandi Minyak

Mandi Minyak merupakan satu upacara yang diamalkan bagi tujuan perubatan dan kesihatan badan dengan mengurut badan. Pada masa kini, ianya lebih kepada satu rutin majlis keramaian bagi mengeratkan silaturrahim di kalangan sesama ahli Gayong. Bahan persediaan majlis tersebut adalah 2 biji kelapa tua untuk seorang, kain tapis putih (1 meter panjang), kayu api, kuali atau kawah, bekas untuk air kelapa, tali kuning, senduk atau dayung, mesin parut, beg plastik untuk parut kelapa dan wang pengeras.

4. Mandi Khatam Keris

Setelah para Pesilat Pelangi Kuning Cula Empat telah tamat mempelajari pelajaran Seni Keris, majlis mandi khatam keris diadakan sebagai satu majlis kesyukuran. Majlis tersebut diadakan di tepi pantai. Barang-barang kelengkapan yang mesti disediakan adalah pulut kunyit, seekor ayam yang berbulu hitam satu badan, pisang emas, telur ayam rebus yang diwarnakan merah, kain putih sepanjang 3 ela, kemenyan, daun tembakau, 7 jenis kuntum bunga, sehelai daun kelapa dan wang pengeras.

5. Mandi Khatam Lembing

Sepertimana dengan majlis mandi khatam keris, majlis mandi khatam Lembing diadakan apabila para pesilat Pelangi Kuning Cula Lima telah tamat mempelajari pelajaran Seni Lembing. Majlis ini pula diadakan di kawasan air terjun. Barang-barang kelengkapan yang mesti disediakan adalah ayam hitam seekor, sekapur siri dan ramuannya, daun rokok 7 jenis, bunga wangi 7 jenis, kuih-muih 7 jenis (7 kuih setiap 1 jenis) dan wang pengeras RM21.50

6. Mandi Keris Pendawa Lima

Keris Pendawa Lima adalah keris pusaka keturunan Allahyarham Mahaguru Dato' Meor Abdul Rahman. Ianya digunakan bagi tujuan perubatan dan memulihkan penyakit. Menurut Allahyarhamah Puan Siti Kalsom, ianya diberikan kepada arwah Dato' dari seorang lelaki Bugis yang berasal dari Sulawesi. Dipercayai beliau mempunyai darah seketurunan dengan arwah Dato' Mahaguru. Lelaki Bugis tersebut dikatakan telah bermimpi bahawa beliau mesti menyerahkan keris kepunyaannya tersebut kepada Meor Abdul Rahman. Motif, tarikh dan tempat penyerahan keris tersebut masih menjadi satu tanda tanya. Walaubagaimanapun, kepastiannya ialah arwah Dato' Mahaguru telah menggunakan keris tersebut untuk mengubat dan membantu memulihkan penyakit-penyakit yang ganjil dan yang sukar diubati. Bahan persediaan untuk upacara mandi tersebut hanyalah saluran paip air, kolam air di bawah atap rumah, sebiji limau dan sintuk serta wang pengeras sebanyak RM5.25.